

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD**

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9647

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Tanpa Izin (PTI) dihantar pulang dari negara ini ke negara asal masing-masing sepanjang tahun lalu, terutama di Sabah yang membabitkan PTI dari negara jiran Indonesia dan Filipina.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2016, seramai 73,553 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 12,530 orang PATI warganegara Filipina dan 2,999 orang PATI warganegara Indonesia telah dihantar pulang melalui Sabah.